

57

PEMBERITAHU PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEENAM

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN FONG KUI LUN**
KAWASAN : **BUKIT BINTANG**
TARIKH : **14 MAC 2018**
NO. SOALAN : **31**

SOALAN

Tuan Fong Kui Lun [Bukit Bintang] minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan butir-butir program pelaburan Kerajaan yang melibatkan penyertaan syarikat dan Kerajaan China di negara kita dan apakah langkah-langkah yang diambil untuk menyelamatkan negara kita dari terperangkap hutang dengan Kerajaan China seperti yang dialami oleh negara-negara lain yang melibatkan penyertaan Kerajaan China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh tahun 2013 hingga 2017, pelaburan yang diluluskan dalam sektor perkilangan yang melibatkan pelaburan langsung asing dari negara China dalam sektor perkilangan adalah sebanyak 117 projek dengan nilai pelaburan sebanyak RM18.3 bilion. Pada tahun 2017 sahaja, sejumlah 21 projek perkilangan telah diluluskan dengan nilai pelaburan sebanyak RM3.8 bilion. Kesemua projek yang diluluskan ini dijangka akan mewujudkan sebanyak 29,258 peluang pekerjaan.

Bagi pelaburan dari negara China dalam sektor perkilangan yang telah dilaksanakan pula, setakat 31 Disember 2016, sejumlah 220 projek perkilangan telah dilaksanakan dengan pelaburan berjumlah RM14.2

bilion. Projek-projek ini telah mewujudkan 33,020 peluang pekerjaan. Setakat tahun 2016, negara China merupakan pelabur asing kelapan terbesar bagi projek perkilangan yang telah dilaksanakan.

Kerajaan prihatin dalam mengambil kira aspek manfaat kepada negara dan rakyat bagi program-program pelaburan Kerajaan di negara kita, termasuklah projek-projek yang melibatkan penyertaan syarikat dan Kerajaan China.

Sebagai contoh, menurut Kementerian Kewangan Malaysia (MOF), Projek Laluan Rel Pantai Timur (ECRL) dikawal sepenuhnya oleh Kerajaan Malaysia melalui syarikat milik penuh Menteri Kewangan Diperbadankan iaitu Malaysia Rail Link Sdn Bhd (MRL). Projek ECRL membabitkan 85 peratus pembiayaan melalui pinjaman mudah (*soft loan*) daripada Export-Import Bank of China (EXIM China) dengan kadar faedah yang rendah untuk tempoh 20 tahun termasuk 7 tahun, dengan izin, *grace period*, iaitu tiada bayaran prinsipal diperlukan sepanjang tempoh tujuh tahun pertama manakala baki 15 peratus dibiayai melalui program sukuk atau bon yang diuruskan oleh institusi kewangan tempatan.

Menurut Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) juga, pihak Kerajaan telah merancang daripada segi unjuran kewangan dan cashflow serta berdasarkan kemampuan dan disiplin fiskal Kerajaan, adalah diyakini bahawa pembayaran balik pinjaman mudah dan sukuk projek ECRL akan dapat diselesaikan. Ini kerana projek ECRL merupakan satu projek infrastruktur jangka panjang yang berdaya saing dan bakal memberi keuntungan dari segi ekonomi rakyat dan negara.

MOF juga memaklumkan bahawa pembayaran semula kos pinjaman projek ECRL akan dibuat menerusi pendapatan hasil operasi ECRL seperti fi perkhidmatan kargo dan kutipan tambang penumpang serta pendapatan bukan operasi (*non-fare revenue*) seperti *Transit Oriented*

59

Development (TOD), pengiklanan dan peruncitan. Hasil limpahan ekonomi dan kesan berganda (*multiplier effect*) daripada projek ini bakal meningkatkan hasil kerajaan apabila ECRL beroperasi kelak pada tahun 2024.

Projek ECRL merupakan projek infrastruktur nasional yang menghubungkan Pantai Timur dan Lembah Klang. Projek ini memberi manfaat yang besar kepada rakyat dan merupakan game changer dalam merangsang ekonomi negara terutama di Wilayah Pantai Timur.

Tuan Yang di-Pertua,

Kerajaan sedar dan prihatin terhadap setiap maklum balas konstruktif bagi memastikan setiap pelaburan langsung asing di Malaysia, termasuk dari negara China dapat memberi manfaat maksimum kepada negara dan rakyat. Sehubungan ini, pelbagai strategi dan langkah telah dan sedang diambil oleh Kerajaan bagi memastikan kepentingan negara terus terpelihara.

Sekian terima kasih